

31/05/1998

Kelantan berterima kasih kepada Pusat

KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana kesediaannya untuk membantu negeri ini dalam usaha mengatasi krisis bekalan air.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membantu kerajaan Kelantan menangani masalah itu sebagai melegakan.

Menurutnya, isu bekalan air bukan masalah kerajaan negeri sahaja, malah ia adalah masalah rakyat dan negara keseluruhannya.

"Pandangan baik Perdana Menteri berhubung kenyataan itu menunjukkan sikap prihatin beliau terhadap anak buah (kerajaan negeri)," katanya ketika dihubungi di rumahnya di Pulau Melaka, dekat sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa Kerajaan Pusat sedia membantu kerajaan Kelantan untuk mengatasi masalah bekalan air yang membabitkan Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB), syarikat yang diberi tanggungjawab memegang konsesi bekalan air di negeri ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Eksposisi Multimedia Telekomunikasi Elektronik Kelantan (Emtek 98) di Tumpat, kelmarin, Perdana Menteri berkata, kesediaannya untuk menghulurkan bantuan itu dibuat selepas menimbang permintaan kerajaan negeri dalam pertemuannya dengan Nik Abdul Aziz, baru-baru ini.

Nik Abdul Aziz berkata, kenyataan Perdana Menteri berhubung perkara itu menunjukkan Kerajaan Pusat tidak mempolitikkan isu air kerana masalah itu bukan sahaja berlaku di Kelantan, malah di seluruh negara.

"Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan Majlis Air Negara (MAN) di setiap negeri," katanya.

Sehubungan itu, kerajaan negeri juga akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat untuk menyalurkan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM80 juta bagi melaksanakan projek bekalan air di negeri ini.

Berita Minggu difahamkan, kegagalan kerajaan negeri memperolehi peruntukan itu memaksanya mengambil keputusan menswastakan projek bekalan air di negeri ini sejak tiga tahun lalu kepada KWSB.

(END)